

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[ PASIR MAS ]**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan secara terperinci apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada golongan fakir miskin, OKU dan gelandangan ketika negara berhadapan dengan wabak COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dengan golongan sasar yang telah terkesan akibat wabak COVID-19 yang telah melanda seluruh negara baru-baru ini. Bantuan yang diberikan kepada golongan fakir miskin, OKU dan gelandangan ketika negara berhadapan dengan wabak COVID-19 adalah seperti berikut:

- a) Meneruskan komitmen menyalurkan Bantuan kepada **489,773 orang penerima bantuan** sedia ada jabatan. Bayaran Bantuan Kewangan Bulanan Kebajikan diawalkan pembayaran bermula bulan Mac sehingga tempoh PKP tamat (bayaran dibuat setiap **20 hari bulan pada bulan** sebelumnya).
- b) Mengagihkan Bakul Makanan **838,518 Ketua Isi Rumah** yang terdiri daripada mereka yang terkesan termasuk golongan fakir miskin, OKU dan ketika negara berhadapan dengan wabak COVID-19.

## SOALAN NO. 25

- c) Bantuan Khas Kepada OKU sebanyak **RM300** sekaligus kepada **190,000 OKU** yang menerima Bantuan Bulanan OKU JKM. Ini adalah bantuan tambahan untuk penerima Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Terlantar (BPT).
- d) Pihak Berkuasa Tempatan dengan kerjasama JKM dan pelbagai agensi melaksanakan Operasi Menyelamat Gelandangan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] bagi memastikan penyebaran pandemik COVID-19 dapat dikawal. Seramai **1,035 gelandangan** telah diselamatkan dan ditempatkan di **23 Pusat Gelandangan Sementara**.
- e) Gelandangan yang berada di Anjung Singgah dan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur yang dikendalikan oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dibuat pemantauan rapi agar tidak terdedah kepada penularan pandemik COVID-19. Terdapat 51 orang penghuni di Anjung Singgah dan 100 orang penghuni di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur.